

# **TEKNIK PENCARIAN HADITH DALAM KAJIAN : ANALISIS HADITH DALAM BUKU-BUKU MOTIVASI DI MALAYSIA**

**Muhammad Faiz Fathi Asmori, Mohd Arif Nazri Dan Haziyah Hussin**

Universiti Kebangsaan Malaysia

E-mail: faiz\_fathi07@yahoo.com

## **Abstrak**

Penyataan sebuah hadith tidak akan sempurna jika tidak dinyatakan sumbernya dalam kitab-kitab rujukan asal dan dinyatakan statusnya samaada diterima atau ditolak. Justeru artikel ini akan memperkenalkan teknik pencarian hadith yang digunakan di dalam kajian analisis hadith. Tujuh panduan diperkenalkan di dalam artikel ini. Tujuh kaedah tersebut ialah; pertama, mengemukakan matan hadith dari buku-buku motivasi sama ada dengan lafaz hadith atau makna hadith atau kedua-duanya sekali. Kedua, melakukan takhrij hadith. Ketiga, melakukan analisa terhadap sanad hadith dan mendatangkan Shajarat al-Asanid. Keempat, melakukan analisa pada matan hadith. Kelima, memberikan hukum hadith dan ta'liq (kometar pengkaji). Keenam, mengemukakan penilaian dan kesimpulan terhadap hukum dan ta'liq yang dilakukan oleh ulama hadith. Dan yang terakhir, mengemukakan Shawahid & Mutaba'ah dan hadith lain yang membawa makna yang sama sebagai alternatif dan cadangan kepada penggunaan hadith-hadith yang dinilai da'if dan mawdu' di dalam kajian ini jika perlu.

**Keyword:** Teknik, Hadith, Sunnah, Motivasi, Takhrij.

## **Abstract**

*Statement of the hadith would not be complete if the source is not specified in the original reference books and expressed his status either accepted or rejected. Therefore, this article will introduce hadith search techniques (Takhrij Hadith) used in the study of hadith analysis. Seven guidelines been introduced in this article; First, present the material traditions (matan) from motivation books either by words or meaning or both. Second, doing takhrij hadith to trace the placed located hadith. Third, analyzing rijal hadith and bring forward Shajarah al-Asanid. Fourth, analyzing material traditions of hadith (matan). Fifth, provide the status of the hadith either accepted or rejected. Sixth, present the conclusions of the hadith. And lastly, identify shawahid and mutaba'ah as alternative for hadith that has been rejected if necessary.*

**Keyword:** Technique, Hadith, Sunnah, Motivation, Takhrij.

## **A. PENDAHULUAN**

Dunia pada masa kini sedang mengalami perkembangan ilmu pengetahuan dan kemajuan teknologi maklumat yang semakin pesat. Kewujudan istilah "Dunia Di Hujung Jari" bukanlah sesuatu yang asing di dalam masyarakat Islam. Maklumat yang mudah dicapai di atas talian (*on-line*) digunakan secara meluas tanpa mengira

peringkat umur dan tanpa batasan. Maklumat-maklumat agama turut tidak terkecuali dari arus kemajuan maklumat tersebut.

Perubahan yang berlaku ini sekiranya ia ke arah kehidupan yang lebih baik serta perubahan yang dapat memperkasakan jati diri muslim itu sendiri maka ia amat digalakkan di dalam Islam. Namun begitu, sekiranya perubahan itu membawa kepada kepincangan akhlak dan merenggangkan hubungan seseorang itu dengan Allah s.w.t, maka ia merupakan perubahan yang bersifat negatif.

Kesan daripada kemajuan teknologi yang semakin pesat ini, umat Islam khususnya di Malaysia didedahkan dengan pelbagai maklumat agama yang tidak ditapis. Terutama sekali maklumat agama yang disertakan dengan dalil dari al-Quran dan al-Hadith. Penyataan sesebuah hadith tidak akan sempurna jika tidak dinyatakan sumbernya dalam kitab-kitab rujukan asal dan dinyatakan statusnya samaada diterima atau ditolak. Justeru artikel ini akan memperkenalkan teknik pencarian hadith yang digunakan di dalam kajian analisis hadith.

## B. DEFINISI PENCARIAN HADITH

Pencarian hadith dikenal dalam ilmu hadith sebagai ilmu takhrij hadith. Ia adalah sebuah ilmu yang melibatkan interaksi seorang pengkaji dengan sanad dan matan hadith. Melalui ilmu ini seseorang pengkaji akan dapat mengenalpasti sumber hadith dalam kitab-kitab hadith serta status dan darjat hadith samaada diterima atau ditolak. Ilmu takhrij hadith juga berperanan memastikan hadith-hadith yang dijadikan hujah dan sandaran adalah benar dan sahih serta tidak dipertikaikan.

Takhrij dari segi bahasa berasal daripada perkataan bahasa Arab kharaja (خراج) yang membawa maksud nampak atau jelas.<sup>1</sup> Dari segi istilah pula, makna takhrij ialah:

عزو الحديث إلى من أخرجه من أئمة وعلماء الحديث المعتبرين،  
والكلام عليه بعد التفتیش عن حاله ورجال مخرجه

Maksudnya: Menyandarkan hadith kepada yang meriwayatkan dari kalangan ulama-ulama hadith yang mu'tabar, dan kata-kata mereka selepas dilakukan kajian tentang keadaan hadith dan rijal yang terdapat di dalamnya.<sup>2</sup>

<sup>1</sup> Ibn Manzur, *Lisan al-'Arab*, (Bayrut: Dar al-Sadr, 2004), hlm. 249-250.

<sup>2</sup> 'Abd al-Samad bin Bakar, *al-Madkhāl Ila al-Takhrij al-Aḥadīth wa al-Āثار wa al-Hukm 'Alayha*, (Al-Madinah al-Munawwarah: Dar al-Tarfayn, 1431H/2101M), hlm. 14.

Menurut Mahmud Tahhan, takhrij merupakan penunjuk kepada sumber-sumber asli hadith dan yang mengarah kepadanya dengan mengemukakan sanad dan kemudian menjelaskan martabatnya jika diperlukan.<sup>3</sup>

### C. SUMBER PENCARIAN HADITH

Sumber dalam pencarian hadith dibahagikan kepada 3 bahagian iaitu : sumber *primer*, *sekunder* dan *tertier*. Sumber *primer* atau sumber rujukan asal bermaksud kitab-kitab yang mengandungi hadith-hadith yang diriwayatkan oleh pengarangnya dengan sanadnya sendiri sebagaimana berikut<sup>4</sup> :

1. Bidang Hadith - al-Kutub al-Sittah, Muwatta Imam Malik, Musnad Ahmad.
2. Bidang Akidah - al-Iman oleh Abu Bakr bin Abu Shaybah dan al-Iman oleh Ibn Mandah.
3. Bidang Tafsir - Tafsir Ubn Jarir dan Tafsir Ibn Abu Hatim.
4. Bidang Fiqh - al-Umm oleh Imam al-Shafi'e
5. Bidang Usul Fiqh - al-Risalah oleh Imam al-Shafi'e.
6. Bidang Tarikh (Sejarah) - Tarikh Ibn Jarir dan Tarikh al-Baghdad oleh Khatib.

Sumber *sekunder* atau sumber rujukan yang menyerupai asal ialah kitab-kitab yang mengandungi hadith-hadith yang diriwayatkan oleh pengarangnya dengan sanad yang dinukilkhan daripada pengarang kitab asal seperti Kitab Tafsir Ibn Kathir, Tuhfah al-Ashraf oleh al-Mizzi dan seumpamanya. Tidak seharusnya bagi seseorang menyandarkan hadith kepada rujukan yang menyerupai asal melainkan rujukan asal tidak ditemui.

Sumber *tertier* atau sumber rujukan tidak asal pula ialah kitab-kitab yang mengandungi hadith-hadith tanpa sanadnya yang dinukilkhan daripada kitab-kitab asal seperti Riyad al-Salihin oleh Imam al-Nawawi, Bulugh al-Maram oleh al-Suyuti dan seumpamanya.

### D. LANGKAH-LANGKAH PENCARIAN HADITH

---

<sup>3</sup> Mahmud Tahhan, *Taysir Mustalah al-Hadith*, (Al-Riyad: Maktabah al-Ma'arif li al-Nashr wa al-Tawzi', 1991M), hlm. 8.

<sup>4</sup> Faisal Ahmad Shah, *Takhrij Hadith: Teknik Pencarian Hadith Yang Tepat dan Berkesan*, (Kuala Lumpur: Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2010), hlm. 8.

Tujuh kaedah ditetapkan oleh pengkaji ketika melakukan penganalisisan data iaitu; **pertama**, mengemukakan matan hadith dari buku-buku motivasi samaada dengan lafaz hadith atau makna hadith atau kedua-duanya sekali. Hal ini kerana setiap dapatan hadith yang ditemui, tidak semuanya dibawakan sekali bersama teks asal Bahasa Arab. Kebarangkalian hadith yang ditemui hanya dinukilkhan secara makna sahaja mungkin berlaku. Maka terdapat dua pendekatan yang dilakukan pengkaji dalam memadankan makna hadith tersebut iaitu, membuat kata kunci dan berdasarkan sangkaan.

Membuat kata kunci merupakan pendekatan yang digunakan oleh pengkaji berdasarkan kepada kaedah asas dalam pencarian takhrij sesuatu hadith itu iaitu ; mentakhrij hadith dengan mengenal pasti kalimah dalam matan hadith.<sup>5</sup> Kaedah ini merupakan kaedah yang digunakan dengan memilih kalimah yang pelik (gharib) atau lebih menonjol dalam sesuatu hadith.<sup>6</sup>

Setelah kata kunci dibuat, maka pengkaji akan memadankan hadith yang sesuai dengan hadith yang dinyatakan dalam buku motivasi. Sekiranya hadith yang terdapat di dalam buku motivasi sepadan dengan teks hadith Bahasa Arab, pengkaji boleh meneruskan langkah untuk menganalisa hadith tersebut. Sekiranya tidak sepadan, pengkaji akan memulakan semula langkah pencarian kata kunci yang baru.

Pengkaji akan menggunakan pendekatan kedua iaitu bersandarkan sangkaan sekiranya hadith-hadith yang dinyatakan di dalam buku motivasi mengikut kefahaman penulis buku motivasi. Namun pendekatan ini tidak dominan penggunaannya kerana wujud kemungkinan kefahaman penulis terhadap hadith yang dinyatakan merupakan ulasan & kesimpulan beliau terhadap sesuatu hadith.

Sebagai contoh, hadith yang ditemui di dalam buku *Rahsia Minda Hebat* Tahun terbitan 2009 pada halaman 50. Penulis buku ini hanya menukilkan hadith dengan makna hadith sahaja, sebagaimana berikut:

"Saya bertanya kepada Aisyah tentang cara Rasulullah SAW membaca al-Quran: 'Apakah Baginda membaca dengan perlahan atau dengan nyaring?'

---

<sup>5</sup> Muhammad Abu al-Laith al-Khair Abadiyy, *Takhrij al-Hadith : Nash'attuhu wa Manhajiyatuhu*, (Bangi: Darulsyakir, 1420H/1999M), hlm. 41.

<sup>6</sup> Faisal Ahmad Shah, *Takhrij Hadith: Teknik Pencarian Hadith Yang Tepat dan Berkesan*, (Kuala Lumpur: Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2010), hlm. 79.

Aisyah menjawab: 'Kadang-kadang Rasulullah membacanya dengan perlahan, kadang-kadang dengan nyaring.' Saya berkata: 'Segala puji bagi Allah SWT yang telah melapangkan urusan ini.'

(Riwayat Tirmizi, al-Bukhari, Muslim, Abu Daud, al-Nasa'i, Ibn Majah dan Ahmad)

Berdasarkan kepada teks terjemahan hadith di atas, pengkaji telah membuat kata kunci dan memadankan dengan bahasa Arab, maka teks hadith yang hampir dengan makna di atas adalah :

سَأَلْتُ عَائِشَةَ : كَيْفَ كَانَتْ قِرَاءَةُ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِاللَّيلِ  
أَكَانَ يُسِرُّ بِالْقِرَاءَةِ أَمْ يَجْهَرُ فَقَالَتْ : كُلُّ ذَلِكَ قَدْ كَانَ يَفْعَلُ رُبُّمَا أَسْرَ  
بِالْقِرَاءَةِ وَرُبُّمَا جَهَرَ فَقُلْتُ : الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَ فِي الْأَمْرِ سَعَةً

Kata kuncinya ialah :

رُبُّمَا ، جَهَرَ ، يُسِرُّ


**Kedua**, melakukan takhrij hadith. Kitab yang digunakan untuk mentakhrij ialah *Kutub al-Tis'ah* iaitu: *Sahih al-Bukhariyy*, *Sahih Muslim*, *Sunan al-Tirmidziyy*, *Sunan Abu Dawud*, *Sunan al-Nasa'iyy*, *Sunan Ibn Majah*, *Sunan al-Darimiyy*, *al-Muwatta'*, *Musnad Ahmad* dan juga kitab hadith lain. Namun begitu, sekiranya masih tidak ditemui maksud hadith yang dikehendaki dalam kesemua kitab tersebut, pengkaji meluaskan kepada kitab-kitab *al-Targhib wa al-Tarhib* dan kitab-kitab sumber primer yang lain.

Sebagai contoh, pengkaji menggunakan dua pendekatan dalam pencarian takhrij hadith iaitu dengan melihat kepada kitab *al-Mu'jam al-Mufahras li al-Alfaz al-Hadith al-Nabawiyy* karangan A.J. Wensinck dan juga melihat kepada software *Maktabah al-Shamilah*.

سر	سر
فَسَارَ وَلَمْ أَفْهَمْ سَارِكَ كَا أَرْدَتْ ... بِمَ سَارَرَهُ قَ بَيْوَعْ ٢٠٠٩٠ طَ أَشْرِبَة١٣	فَسَارَ وَلَمْ أَفْهَمْ سَارَكَا أَرْدَتْ ... بِمَ سَارَرَهُ قَ بَيْوَعْ ٢٠٠٩٠ طَ أَشْرِبَة١٣
نَجَاهَ رَجُلُ فَسَارَهُ قَ تَحْرِمَ ١٤، قَ دَىٰ سِيرَ ١٥، طَ سِنَرَ ١٦	نَجَاهَ رَجُلُ فَسَارَهُ قَ تَحْرِمَ ١٤، قَ دَىٰ سِيرَ ١٥، طَ سِنَرَ ١٦
وَدُعَا رَجُلًا فَسَارَهُ طَ ١٧ طَ سِنَرَ ١٨	وَدُعَا رَجُلًا فَسَارَهُ طَ ١٧ طَ سِنَرَ ١٨
فَأَكَّبَ عَلَيْهِ فَسَارَهُ بَشِّيٌّ ... فَسَارَهُ بَشِّيٌّ ... فَسَارَهُ بَشِّيٌّ طَ ١٩ طَ سِنَرَ ٢٠	فَأَكَّبَ عَلَيْهِ فَسَارَهُ بَشِّيٌّ ... فَسَارَهُ بَشِّيٌّ ... فَسَارَهُ بَشِّيٌّ طَ ١٩ طَ سِنَرَ ٢٠
قَالَ لَا فَسَارَهُ رَجُلٌ إِلَى جَنْبِهِ طَ أَشْرِبَة١٣	قَالَ لَا فَسَارَهُ رَجُلٌ إِلَى جَنْبِهِ طَ أَشْرِبَة١٣
أَتَى رَسُولُ اللَّهِ (ص) وَهُوَ فِي مَجْلِسِ فَسَارَهُ طَ ٢١	أَتَى رَسُولُ اللَّهِ (ص) وَهُوَ فِي مَجْلِسِ فَسَارَهُ طَ ٢١
ثُمَّ دُعَا وَصَبَّا بَيْنِ يَدِيهِ فَسَارَهُ طَ ٢٢	ثُمَّ دُعَا وَصَبَّا بَيْنِ يَدِيهِ فَسَارَهُ طَ ٢٢
فَسَارَهَا فَبَكَتْ ثُمَّ سَارَهَا فَضَحَّكَ طَ نَضَائِلُ الصَّحَّابَةِ قَ بَيْنَ ٩٩-٩٧ طَ مَاقَبْ ٢٥، نَضَائِلُ أَصْحَابِ الْبَيْنِ ١٣ إِيشَانَ ٣٤٢، قَ جَاهِزَ ٦٤، طَ ٦٦ طَ ٦٧ طَ ٦٨ طَ ٦٩	فَسَارَهَا فَبَكَتْ ثُمَّ سَارَهَا فَضَحَّكَ طَ نَضَائِلُ الصَّحَّابَةِ قَ بَيْنَ ٩٩-٩٧ طَ مَاقَبْ ٢٥، نَضَائِلُ أَصْحَابِ الْبَيْنِ ١٣ إِيشَانَ ٣٤٢، قَ جَاهِزَ ٦٤، طَ ٦٦ طَ ٦٧ طَ ٦٨ طَ ٦٩
١٥ سَارَنِي الْبَيْنِ (ص) أَنَّهُ يَقْبَضُ ... ثُمَّ سَارَنِي ... قَ بَيْنَارِي ٨٦، مَاقَبْ ٢٥، نَضَائِلُ أَصْحَابِ الْبَيْنِ ١٣ قَ جَاهِزَ ٦٤، طَ ٦٧ طَ ٦٨ طَ ٦٩	١٥ سَارَنِي الْبَيْنِ (ص) أَنَّهُ يَقْبَضُ ... ثُمَّ سَارَنِي ... قَ بَيْنَارِي ٨٦، مَاقَبْ ٢٥، نَضَائِلُ أَصْحَابِ الْبَيْنِ ١٣ قَ جَاهِزَ ٦٤، طَ ٦٧ طَ ٦٨ طَ ٦٩
فَإِنْ جَبَرِيلَ سَارَنِي بِذَلِكَ طَ ٦٣ طَ ٦٤ طَ ٦٥ طَ ٦٦ طَ ٦٧ طَ ٦٨ طَ ٦٩	فَإِنْ جَبَرِيلَ سَارَنِي بِذَلِكَ طَ ٦٣ طَ ٦٤ طَ ٦٥ طَ ٦٦ طَ ٦٧ طَ ٦٨ طَ ٦٩
إِذَا تَأْتَى الرَّجُلُ فَسَارَنِي طَ ٦١ طَ ٦٢ طَ ٦٣ طَ ٦٤ طَ ٦٥ طَ ٦٦ طَ ٦٧ طَ ٦٨ طَ ٦٩	إِذَا تَأْتَى الرَّجُلُ فَسَارَنِي طَ ٦١ طَ ٦٢ طَ ٦٣ طَ ٦٤ طَ ٦٥ طَ ٦٦ طَ ٦٧ طَ ٦٨ طَ ٦٩
٢٠ مَا هَذَا الَّذِي سَارَكِ بِهِ رَسُولُ اللَّهِ (ص) فَبَكَتْ ثُمَّ سَارَكِ فَضَحَّكَ طَ ٦٣ طَ ٦٤ طَ ٦٥ طَ ٦٦ طَ ٦٧ طَ ٦٨ طَ ٦٩	٢٠ مَا هَذَا الَّذِي سَارَكِ بِهِ رَسُولُ اللَّهِ (ص) فَبَكَتْ ثُمَّ سَارَكِ فَضَحَّكَ طَ ٦٣ طَ ٦٤ طَ ٦٥ طَ ٦٦ طَ ٦٧ طَ ٦٨ طَ ٦٩

Rajah 1. Rujukan Kitab *al-Mu'jam al-Mufahras* Halaman 446

Dalam kitab tersebut mengumpulkan hadith-hadith yang ingin dicari dengan dikumpulkan secara ringkasan sebagai contoh (+) membawa maksud riwayat Abu Dawud, (-) membawa maksud riwayat al-Tirmidhiyy, dan (ム) membawa maksud riwayat Ahmad bin Hanbal.



This screenshot shows a detailed view of a hadith entry from the software. The hadith text is displayed in Arabic:

١ - حدثنا قبية بن سعيد حدثنا الليث بن سعيد عن معاوية بن صالح عن عبد الله بن أبي قيس قال  
عائشة عن وتر رسول الله صلى الله عليه وسلم قالت رساً أوتر أول الليل ورسماً أوتر من آخره قلت كيف كانت قراءته أكان يسر بالقراءة أم يجهز قال كُل ذلك  
عل رساً أسر ورسماً جهز وربما أغسل فتام وربما توضأ دارد وقال غير قبية تعني في الجناة

Below the hadith text, there is a table titled 'إفادة التشكيل' (Information about the arrangement) showing the arrangement of the hadith. The table has columns for 'الصفحة' (Page), 'الجزء' (Part), 'الباب' (Section), 'كتاب' (Book), and 'العنوان' (Title). A circled row highlights 'رسن أبي داود' (Book of Abu Dawud).

Rajah 2 software Maktabah al-Shamilah

Dengan melakukan pencarian di dalam software, ia banyak membantu dan menjimatkan masa pengkaji dalam mencari hadith. Setelah melakukan penelitian terhadap dua pendekatan tersebut, pengkaji mendapati bahawa hadith ini diriwayatkan dengan sanad yang lengkap oleh Abu Dawud, al-Tirmidhiyy, al-

Nasa'iyy, Ibn Majah dan Ahmad bin Hanbal. Maka pengkaji melakukan pencarian terhadap kitab-kitab yang telah ditemui. Perincian lanjut adalah seperti berikut :

## ٨٧ - بَابُ الْجَنْبِ يَؤْخِرُ الْغَسْلَ

٢٢٦- حَدَّثَنَا مُسْدَدٌ، حَدَّثَنَا الْمَعْتَمِرُ (ح)

وَحَدَّثَنَا أَحْمَدُ بْنُ حَنْبَلَ، حَدَّثَنَا إِسْمَاعِيلُ بْنُ إِبْرَاهِيمَ؛ قَالَا: حَدَّثَنَا بُزْدُ بْنُ سِنَانَ، عَنْ عُبَادَةَ بْنِ نُسَيْرٍ، عَنْ غُضَيْفِ بْنِ الْحَارِثِ، قَالَ:

قُلْتُ لِعَائِشَةَ: أَرَأَيْتِ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ كَانَ يَغْتَسِلُ مِنَ الْجَنَابَةِ فِي أَوَّلِ اللَّيْلِ أَوْ فِي آخِرِهِ؟ قَالَتْ: رُبِّمَا اغْتَسَلَ فِي أَوَّلِ اللَّيْلِ وَرُبِّمَا اغْتَسَلَ فِي آخِرِهِ، قُلْتُ: اللَّهُ أَكْبَرُ، الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَ فِي الْأَمْرِ سَعْةً.

---

(١) إسناده ضعيف لانقطاعه، يحيى بن يعمر لم يلق عمار بن ياسر فيما ذكر الدارقطني، وقد نبه عليه المصنف بعده، وبباقي رجاله ثقات. عطاء الخراساني: هو ابن أبي مسلم.

وأخرجه الترمذى (٦١٧) من طريق حماد بن سلمة، بهذا الإسناد.  
وهو في «مسند أحمد» (١٨٨٨٦).

وسيأتي ضمن حديث مطول برقم (٤١٧٦).  
وفي الباب عن جابر عند ابن ماجه (٥٩٢)، وإسناده ضعيف.

١٤٣٧- حَدَّثَنَا قُبِيْبَةُ بْنُ سَعِيدٍ، حَدَّثَنَا الْلَّيْثُ بْنُ سَعِيدٍ، عَنْ مَعاوِيَةَ بْنِ صَالِحٍ، عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ أَبِي قَيْسٍ قَالَ:

سَأَلْتُ عَائِشَةَ عَنْ وِتْرِ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ، قَالَتْ: رَبِّا أَوْتَرَ أَوْلَى اللَّيْلِ، وَرَبِّا أَوْتَرَ مِنْ آخِرِهِ، قَلَتْ: كَيْفَ كَانَ قِرَاءَتُهُ؟ أَكَانَ يُسِيرُ بِالْقِرَاءَةِ أَمْ يَجْهَرُ؟ قَالَتْ: كُلُّ ذَلِكَ كَانَ يَفْعَلُ، رَبِّا أَسْرَ، وَرَبِّا جَهَرَ، وَرَبِّا اغْتَسَلَ فَنَامَ، وَرَبِّا تَوْضَأَ فَنَامَ<sup>(٢)</sup>.

= وأخرجه البخاري (٩٩٦)، ومسلم (٧٤٥) من طريقين عن الأعمش، بهذا الإسناد.

وأخرجه مسلم (٧٤٥) من طريقين عن مسلم، به.

وأخرجه مسلم (٧٤٥) (١٣٧)، وابن ماجه (١١٨٥)، والترمذى (٤٦٠)،

والثانى في «الكبرى» (١٣٩٤) من طريق يحيى بن وئاب، عن مسروق، به.

وهو في «مسند أحمد» (٢٤١٨٨)، و«صحيح ابن حبان» (٢٤٤٣).

(١) إسناده صحيح. ابن أبي زائد: هو يحيى بن زكريا.

وأخرجه الترمذى (٤٧١) عن أحمد بن منيع، عن يحيى بن زكريا، بهذا الإسناد.

وأخرجه مسلم (٧٥٠) من طريق عبد الله بن شقيق، عن ابن عمر.

وهو في «مسند أحمد» (٤٩٥٢)، و«صحيح ابن حبان» (٢٤٤٥).

وقوله: «بَادَرُوا الصَّبِحَ بِالْوَتْرِ» معناه: عجلوا بأداء الوتر قبل طلوع الصبح.

وسلف حديث أبي سعيد برقم (١٤٣١) ولفظه «من نام عن وتره أو نسيه، فليصله إذا ذكره» وإسناده صحيح.

(٢) إسناده صحيح. وأخرجه الترمذى (٣١٥١) عن قبيبة بن سعيد، بهذا الإسناد.

وأخرج سؤاله عن قراءة النبي ﷺ الترمذى (٤٥١)، والثانى في «الكبرى» (١٣٧٧)

من طريقين عن معاوية، به.

Rajah 3 Riwayat Abu Dawud sebanyak dua tempat dalam *Sunan Abu Dawud*

- i. Hadith ini diriwayatkan oleh Abu Dawud sebanyak dua tempat dalam *Sunan Abu Dawud*, Jil. 1, (1) Kitab al-Taharah, 87- Bab al-Junub Yu'akhikh al-Ghusla, no. 226, halaman. 161-162; Jil. 2, (2) Kitab al-Salah, 341- Bab Waqt al-Witr, no. 1437, halaman. 573-574.

## أبواب الصلاة

٤١١

**عبدالصمد بن عبد الوارث عن إسماعيل بن مسلم العبدى من أئمـة التوكـل الفاجـىء**  
عن عائشة قالت : « قام النبي صلـى الله علـيه وسلم بـآية مـن القرآن ليـلة » .

قال أبو عيسى : هذا حديث حسن غريب من هذا الوجه<sup>(١)</sup> .

٤٤٩ — حـدثـنا قـتـيبة حـدثـنا الـاـبـيـتـ عنـ مـعـاوـيـةـ بـرـ صـالـحـ عنـ عـبـدـ اللهـ  
ابـنـ قـيـسـ قالـ : « سـأـلـتـ عـائـشـةـ : كـيـفـ كـانـ قـرـاءـةـ النـبـيـ صـلـى اللهـ عـلـيـهـ وـسـلـمـ :  
بـالـلـيـلـ ، [ أـكـانـ يـسـرـ بـالـقـرـاءـةـ أـمـ يـجـهـرـ ] ؟ فـقـاتـ : كـلـ ذـلـكـ قـدـ كـانـ  
يـقـعـلـ ، رـبـعـاـ أـسـرـ بـالـقـرـاءـةـ وـرـبـعـاـ جـهـرـ ، فـقـاتـ : الـحـمـدـ لـلـهـ الـذـيـ جـعـلـ  
عـنـ الـأـمـرـ سـقـةـ » .

وهو العـبـدـى القـبـى البـصـرىـ ، مشـهـورـ بـكتـبـهـ . وـلهـ تـرـجـةـ فـىـ التـهـذـيبـ ( جـ ٩  
سـ ٢٣ - ٢٤ ) روـىـ عنـ مـعـتـدـلـ بـنـ سـلـيـانـ وـبـهـزـ بـنـ أـسـدـ وـأـبـىـ عـاـمـرـ العـقـدـىـ وـغـيـرـهـ  
وـرـوـىـ عـنـهـ مـسـلـمـ ، وـالـتـرـمـذـىـ ، وـالـسـائـىـ ، وـرـوـىـ عـنـهـ مـسـلـمـ ٤٤ حـدـيـنـاـ ، وـمـاتـ بـهـ  
سـنـةـ ٢٤٠ .

٤٦ - كِتَابُ الْفَضَالِ الْمُرَوَّنُ (٢٢) بَابُ (١٩٢٤، ١٩٢٣) حِثْ

قَالَ أَبُو عِيسَى : هَذَا حَدِيثٌ حَسَنٌ صَحِيحٌ غَرِيبٌ لَا تَنْزَهُهُ إِلَّا  
جِئْنَا حَدِيثًا لَيْثَ بْنِ سَلْيَانَ عَنْ أَبِي مُلَيْكَةَ عَنْ أَبِي عَمْلَيْهِ عَنْ  
أُمِّ سَلَّمَةَ .

وَقَدْ رَوَى أَبْنُ جُرَيْجَ هَذَا الْحَدِيثَ عَنْ أَبِي مُلَيْكَةَ عَنْ  
أُمِّ سَلَّمَةَ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ يُسْطَعِعُ قِرَاءَتَهُ ، وَحَدِيثُ  
الْفَلَيْثِ أَصْحَحُ .

٢٩٢٤ - حَدَّثَنَا قَتْبَيْهُ . حَدَّثَنَا أَبْنُ الْفَلَيْثِ عَنْ مَعَاوِيَةَ بْنِ مَالِكٍ عَنْ  
عَبْدِ الرَّبِّيِّ أَبِي فَيْضٍ حُوَرَجَلَ الْمَصْرِيِّ قَالَ : سَأَلْتُ عَائِشَةَ عَنْ وَغْرِ  
رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَيْفَ كَانَ يُؤْتَرُ مِنْ أَوَّلِ الْفَلَيْلِ أَوْ مِنْ  
آخِرِهِ ؟ فَقَاتَ : كُلُّ ذَلِكَ قَدْ كَانَ يَصْنَعُ ، وَرُبُّمَا أُوتَرَ مِنْ أَوَّلِ  
الْفَلَيْلِ ، وَرُبُّمَا أُوتَرَ مِنْ آخِرِهِ . فَقَلَّتْ : الْخَلْدُ شَرُّ الَّذِي جَعَلَ فِي الْأَمْرِ  
سَهْلًا ، فَقَلَّتْ : كَيْفَ كَانَ قِرَاءَتَهُ ؟ أَكَانَ بُسْرًا بِالْتِرَاءِ أَمْ بِجَمْعِهِ ؟  
فَقَاتَ : كُلُّ ذَلِكَ كَمَا كَانَ يَصْنَعُ ، قَدْ كَانَ رُبُّمَا أَسْرَ وَرُبُّمَا جَعَرَ .  
خَالَ : فَقَلَّتْ : الْخَلْدُ شَرُّ الَّذِي جَعَلَ فِي الْأَمْرِ سَهْلًا ، فَلَّتْ : فَكَيْفَ  
كَانَ يَصْنَعُ فِي الظَّنَابِيَّةِ ؟ أَكَانَ يَنْتَهِيُ قَبْلَ أَنْ يَنْأِمَ ، أَوْ يَنْأِمَ قَبْلَ أَنْ  
يَنْتَهِي ؟ فَقَاتَ : كُلُّ ذَلِكَ كَمَا كَانَ يَصْنَعُ ، قَرُبًا أَغْتَلَ فَنَامَ ، وَرُبُّمَا  
تَوَسَّأَ فَنَامَ ، فَلَّتْ : الْخَلْدُ فِي الَّذِي جَعَلَ فِي الْأَمْرِ سَهْلًا .

قَالَ أَبُو عِيسَى : هَذَا حَدِيثٌ حَسَنٌ غَرِيبٌ مِنْ هَذَا الْوَجْهِ .

١٨٤

Rajah 4 Riwayat al-Tirmidhiyy sebanyak dua tempat dalam *Sunan al-Tirmidhiyy*

- ii. Diriwayatkan oleh al-Tirmidhiyy sebanyak dua tempat dalam *Sunan al-Tirmidhiyy*, Jil. 2, Abwab al-Salah, 330- Bab ma Ja'a fi Qira'at al-Layl, no. 449, halaman 311-312; Jil. 5, (46) Kitab Fada'il al-Qur'an 'an Rasuli Allah Salla Allah 'Alayh wa Sallam, 23- Bab ma Ja'a Kayf Kanat Qira'at al-Nabi Salla Allah 'Alayh wa Sallam, no. 2924, halaman 183.

## ٥٨٢ - كيف القراءة بالليل

١٣٧٧ - أخبرني شعيب بن يوسف، قال: حدثنا عبد الرحمن، عن معاوية بن صالح، عن عبد الله بن أبي قيس قال: سألتُ عائشةً : كيف كانت قراءةُ رسول الله ﷺ بالليل، أيجهر أم يُسرِّ؟ قالت: كل ذلك قد كان يفعلُ، ربما جَهَرَ، وربما أَسْرَ<sup>(٢)</sup>. [المعنى: ٢٤٥، التحفة: ١٦٢٨٦].

## ٥٨٣ - فضل السر على الجهر

١٣٧٨ - أخبرنا هارون بن محمد بن بكار بن بلال، قال: أخبرنا محمد - يعني ابن القاسم ابن سُمِيع -، قال: حدثنا زيد - هو ابن واقد -، عن كثير بن مُرَّةَ أن عقبة بن عامر حدَّثَهُمْ، أن رسول الله ﷺ قال: «الذِي يَجْهَرُ بِالْقُرْآنِ كَالذِي يَجْهَرُ بِالصَّدْقَةِ، وَالذِي يُسِّرُ بِالْقُرْآنِ كَالذِي يُسِّرُ بِالصَّدْقَةِ»<sup>(٣)</sup>. [المعنى: ٢٤٥، التحفة: ٩٩٤٩].

(١) سلف تخرّجه برقم (١٣٦٥) من طريق أبي بحبي عن عبد الله بن عمرو.

(٢) تفرد به النسائي من بين أصحاب الكتب الستة.

(٣) أخرجه البخاري في «أخلاق أفعال العباد» صفحة ٧١، وأبو داود (١٣٣٣)، والترمذى (٢٩١٩). وسيأتي برقم (٢٢٦٣).

وهو في «مسند» أحمد (١٧٣٦٨)، وابن حبان (٧٣٤).

- iii. Diriwayatkan oleh al-Nasa'iyy dalam *Sunan al-Nasa'iyy*, Jil. 2, (2) Kitab al-Salah - Kitab Qiyam al-Layl wa Tatawwu, al-Nahar, 582- Kayf al-Qira'ah bi al-Layl, no. 1377, halaman 146.

\*\*\*  
**١٣٥٤** - حَدَّثَنَا أَبُو بَكْرٍ بْنُ أَبِي شَيْبَةَ . ثنا إِسْمَاعِيلُ بْنُ عُلَيْهِ ، عَنْ بُرْدَ بْنِ سِنَانٍ ، عَنْ عُبَادَةَ بْنِ نُعْمَى ، عَنْ غُصَّيْفِ بْنِ الْحَرْثِ ؛ قَالَ : أَتَيْتُ عَائِشَةَ فَقُلْتُ : أَكَانَ رَسُولُ اللَّهِ مُحَمَّدًا يَخْفِي بِالْقُرْآنِ أَوْ يُخَافِتُ بِهِ ؟ قَالَتْ : رُبِّمَا جَهَرَ وَرُبِّمَا خَافَتْ . قُلْتُ : اللَّهُ أَكْبَرُ ، الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَ فِي هَذَا الْأَمْرِ سَيْفًا .

٠٠

## (١٨٠) باب ما جاء في الرعاء إذا قاتم الرجل من الليل

**١٣٥٥** - حَدَّثَنَا هِشَامُ بْنُ عَمَارٍ . ثنا سُفيَّانُ بْنُ عَيْنَةَ ، عَنْ سُلَيْمَانَ الْأَخْوَلِ ، عَنْ طَاؤِسٍ ، عَنْ أَبْنِ عَيَّاسٍ ؛ قَالَ : كَانَ رَسُولُ اللَّهِ مُحَمَّدًا إِذَا هَمَ جَدَّ مِنَ الظَّلَلِ قَالَ « اللَّهُمَّ لَكَ الْحَمْدُ . أَنْتَ نُورُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَمَنْ فِيهِنَّ . وَلَكَ الْحَمْدُ . أَنْتَ قَيَّامُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَمَنْ فِيهِنَّ . وَلَكَ الْحَمْدُ . أَنْتَ مَالِكُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَمَنْ فِيهِنَّ . وَلَكَ الْحَمْدُ . أَنْتَ الْحَقُّ . وَوَعْدُكَ حَقٌّ ، وَلِقَاؤُكَ حَقٌّ ، وَجَنَّةُ حَقٌّ ، وَنَارُ حَقٌّ ، وَسَاعَةُ حَقٌّ ، وَالنَّبِيُّونَ حَقٌّ ،

**١٣٥٦** - (وَبِلْ) أَيْ هَلَّكَ عَظِيمٌ .

**١٣٥٥** - (أَنْتَ نُورُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ) أَيْ مُنْوِرُهَا ، وَبِكَ يَهْتَدِي مَنْ فِيهَا .  
 (قَيَّامُ السَّمَاوَاتِ) أَيْ الْقَاطِنُ يَأْمُرُهَا وَتَدِيرُهَا . (أَنْتَ الْحَقُّ) أَيْ وَاجِبُ الْوِجُودِ .  
 (وَوَعْدُكَ الْحَقُّ) أَيْ صَادِقٌ لَا يَكُنْ التَّخْلُفُ فِيهِ .

٤٣٠

Rajah 6 Riwayat Ibn Majah dalam *Sunan Ibn Majah*

- iv. Diriwayatkan oleh Ibn Majah dalam *Sunan Ibn Majah*, Jil 1, (5) Kitab Iqamat al-Salah wa al-Sunnah fiha, 179- Bab ma Ja'a fi al-Qira'ah fi Salat al-Layl, no. 1354, halaman 430.

٢٤٢٠٢ - حدثنا إسماعيل، قال: أخبرنا بُرْدُ بْنُ سِتَّانَ، عن عَبَادَةَ بْنِ نُسَيْبَيْ، عن غُضِيفَ بْنِ الْحَارِثَ، قال: قلتُ لِعَائِشَةَ: أَرَأَيْتِ رَسُولَ اللَّهِ كَانَ يَغْتَسِلُ مِنَ الْجَنَابَةِ فِي أَوَّلِ اللَّيْلِ، أَمْ<sup>(١)</sup> فِي آخِرِهِ؟ قَالَتْ: رَبِّما اغْتَسَلَ فِي أَوَّلِ اللَّيْلِ، وَرَبِّما اغْتَسَلَ فِي آخِرِهِ. قَالَتْ: اللَّهُ أَكْبَرُ، الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَ فِي الْأَمْرِ سَعَةً. قَالَتْ: أَرَأَيْتِ رَسُولَ اللَّهِ كَانَ<sup>(٢)</sup> يُوْتَرُ فِي أَوَّلِ الْلَّيْلِ أَوْ فِي آخِرِهِ؟ قَالَتْ: رَبِّما أَوْتَرَ فِي أَوَّلِ اللَّيْلِ، وَرَبِّما أَوْتَرَ فِي آخِرِهِ. قَالَتْ: اللَّهُ أَكْبَرُ، الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَ فِي الْأَمْرِ سَعَةً. قَالَتْ: أَرَأَيْتِ رَسُولَ اللَّهِ كَانَ يَجْهَرُ بِالْقُرْآنِ، أَوْ يَخْفِي<sup>(٣)</sup> بِهِ؟ قَالَتْ: رَبِّما جَهَرَ بِهِ، وَرَبِّما خَفَّ<sup>(٤)</sup>. قَالَتْ: اللَّهُ أَكْبَرُ، الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَ فِي الْأَمْرِ سَعَةً<sup>(٥)</sup>.

= قلنا: وأخرجه إسحاق بن راهويه في «مستند» (٨٥٤) عن عبد الوهاب الثقفي، عن إسحاق بن سعيد، عن هنية، عن عائشة، به.  
وأخرجه النسائي ٣٠٧/٨ عن سعيد، قال: أبايا عبد الله، عن طود بن عبد الملك القيسي -بصرى-. قال: حدثني أبي، عن هنية بنت شريك بن أبيان قالت: لقيت عائشة رضي الله عنها بالحرية، فسألتها عن العكر، فنهتني عنه وقالت: ابني عشيء، وشربيه غدرة، وأوكني عليه، ونهتني عن الدباء والتثير والمزفت والختم.

(١) في (م): أو.

(٢) في (ظ): أكان.

(٣) في (م) و(ظ) و(ق): يخافت.

(٤) في (م): خافت.

(٥) إسناده صحيح، غضيف بن الحارث مختلف في صحبته، وأثبت =

٢٤٤٥٣ - حدثنا إسحاق، قال: حدثني ليث بن سعد قال: حدثني معاوية بن صالح الحضرمي، عن عبد الله بن قيس<sup>(١)</sup> قال: سألت عائشة: أكان النبي ﷺ يُورِّتُ من أول الليل، أو من آخره؟ فقالت: كل ذلك كان يفعل، ربما أوتَرَ أوَّلَ الليل، وربما أوتَرَ آخره. قلت: الحمد لله الذي جعل في الأمر سعة. قلت: كيف كانت قراءته، يُسرٌ أو يَجْهَر؟ قالت: كل ذلك كان يفعل، ربما<sup>(٢)</sup> أَسْرَ، وربما جهر. قال: قلت: الحمد لله الذي جعل في الأمر سعة. قال: قلت: كيف كان يصنع في الجنابة، أكان يغسل قبل أن ينام، أو ينام قبل أن يغسل؟ قالت: كل ذلك كان يفعل، ربما اغسل، فنام، وربما تَوَضَّأَ، ونام. قال: قلت: الحمد لله الذي جعل في الأمر سعة<sup>(٣)</sup>.

=ابن عبد الرحمن، والدة متصور بن عبد الرحمن: هي صافية بنت شيبة العبدية.

وآخرجه مسلم (٢٩٧٥) (٣٠)، والبيهقي في «الدلائل» ٣٤٧/١ من طريقين عن داود بن عبد الرحمن، بهذا الإسناد.

وآخرجه إسحاق بن راهويه (١٠٦٦)، والبخاري (٥٣٨٣) من طريقين، عن متصور بن عبد الرحمن، به.

وسياقى بالأرقام (٢٤٩٦٣) (٢٥٢٤٥) (٢٥٦٢٩) (٢٥٨٠١).

(١) في (ظ٨): عبد الله بن أبي قيس. قلنا: وهو قول آخر فيه.

(٢) في (ظ٨): وربما.

(٣) إسناده صحيح على شرط مسلم، ليث بن سعد وعائشة أم المؤمنين من رجال الشيخين، وبقية رجاله ثقات رجال مسلم. إسحاق: هو ابن عيسى، ابن الطياع، وعبد الله بن قيس - ويقال: ابن أبي قيس - هو أبو الأسود النصري.

٢٥١٦٠- حدثنا عبد الرحمن، عن معاوية، عن عبد الله بن أبي قيس قال:

سألتُ عائشةً: كيف كانَ نومُ رسولِ اللهِ ﷺ في الجنابة، أيغسلُ قبلَ أنْ ينام؟ فقلتَ: كُلُّ ذلكَ قدْ كانَ يفعلُ، ربِّما اغتسلَ، فنامَ، وربِّما توضأَ، فنامَ. قالَ: قلتُ لها: كيف كانتْ قراءةُ رسولِ اللهِ ﷺ من الليلِ، أيجهرُ أمْ يُسرُّ؟ قالتَ: كُلُّ ذلكَ قدْ كانَ يفعلُ، ربِّما جهرَ، وربِّما أسرَّ<sup>(١)</sup>.

٢٥١٦١- حدثنا عبد الرحمن، عن معاوية، عن عبد الله بن أبي قيس

- من طريق عبد الرحمن، بهذه الاستاد، دوآخرجه أبو داود (١٣٦٢) والطحاوي في «شرح معاني الآثار» ٢٨٥/١، وابن عدي ٢٤٠١/٦، والبيهقي في «السنن» ٢٨/٣ من طريق ابن وهب، والطبراني في «الشاميين» (١٩١٨)، والخطيب في «موضع أوهام الجمع» ٢/١٩٨ من طريق عبد الله بن صالح، كلاهما عن معاوية، به، وانظر (٢٤٠١٩).

(١) إسناده صحيح على شرط مسلم، رجاله ثقات رجال الشيختين، غير معاوية - وهو ابن صالح الحضرمي - وعبد الله بن أبي قيس، ويقال: ابن قيس - وهو أبو الأسود التضري الحمصي - فمن رجال مسلم. عبد الرحمن: هو ابن مهدي.

وآخرجه إسحاق بن راهويه في «مسند» (١٦٧٦) و(١٦٧٧)، ومسلم - بقصة الغسل من الجنابة - (٣٠٧)، والسائل في «المجتبى» ١٩٩/١ و٣/٢٢٤، وابن عزيمة (٢٥٩) و(١١٦٠) من طريق عبد الرحمن بن مهدي، بهذه الاستاد، وسلف برقم (٢٤٤٥٣).

Rajah 7 Riwayat Ahmad bin Hanbal sebanyak tiga tempat dalam  
*Musnad al-Imam Ahmad bin Hanbal*

- v. Diriwayatkan oleh Ahmad bin Hanbal sebanyak tiga tempat dalam *Musnad al-Imam Ahmad bin Hanbal*, Jil. 40, no. 24202, halaman 239; Jil. 40, no. 24453, halaman 509; dan Jil. 42, no. 25160, halaman 82.

**Ketiga**, melakukan analisa terhadap sanad hadith dan mendatangkan shajarah al-Asanid bagi mengukuhkan lagi analisis pada data-data yang ditemui. Sebagai contoh, Penelitian pengkaji pada sanad periwayatan Abu Dawud, al-Tirmidhiyy, al-

Nasa'iyy, Ibn Majah dan Ahmad bin Hanbal di dalam hadith ini, mendapati bahawa al-Rawi al-A'la bagi hadith marfu' ini ialah A'ishah. Berikut adalah perincian bagi sanad hadith ini :

- Abu Dawud meriwayatkan dari:

حَدَّثَنَا مُسَدِّدٌ ، حَدَّثَنَا أَحْمَدُ بْنُ حَنْبِلٍ ، حَدَّثَنَا  
إِسْمَاعِيلُ بْنُ إِبْرَاهِيمَ قَالَ : حَدَّثَنَا بُرْدُ بْنُ سِنَانٍ ، عَنْ عُبَادَةَ بْنِ نُسَيْيِّ ،  
عَنْ غُضَيْفِ بْنِ الْحَارِثِ قَالَ : قُلْتُ لِعَائِشَةَ : أَرَأَيْتِ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى  
اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ يَغْتَسِلُ مِنْ الْجَنَابَةِ فِي أَوَّلِ اللَّيْلِ أَوْ فِي آخِرِهِ قَالَتْ :  
رُبَّمَا اغْتَسَلَ فِي أَوَّلِ اللَّيْلِ وَرُبَّمَا اغْتَسَلَ فِي آخِرِهِ قُلْتُ : اللَّهُ أَكْبَرُ الْحَمْدُ  
لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَ فِي الْأَمْرِ سَعَةً قُلْتُ : أَرَأَيْتِ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ  
وَسَلَّمَ كَانَ يُوَتِّرُ أَوَّلَ اللَّيْلِ أَمْ فِي آخِرِهِ قَالَتْ : رُبَّمَا أَوَتَرَ فِي أَوَّلِ اللَّيْلِ  
وَرُبَّمَا أَوَتَرَ فِي آخِرِهِ قُلْتُ : اللَّهُ أَكْبَرُ الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَ فِي الْأَمْرِ  
سَعَةً قُلْتُ : أَرَأَيْتِ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ يَجْهَرُ بِالْقُرْآنِ  
أَمْ يَخْفِي بِهِ قَالَتْ : رُبَّمَا جَهَرَ بِهِ وَرُبَّمَا خَفَتْ قُلْتُ : اللَّهُ أَكْبَرُ الْحَمْدُ  
لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَ فِي الْأَمْرِ سَعَةً

- Abu Dawud juga meriwayatkan dari:

حَدَّثَنَا فُتَيْبَةُ بْنُ سَعِيدٍ ، حَدَّثَنَا الَّيْثُ بْنُ سَعْدٍ ، عَنْ مُعَاوِيَةَ بْنِ صَالِحٍ  
، عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ أَبِي قَيْسٍ قَالَ : سَأَلْتُ عَائِشَةَ عَنْ وِتْرِ رَسُولِ اللَّهِ  
صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَتْ : رُبَّمَا أَوَتَرَ أَوَّلَ اللَّيْلِ وَرُبَّمَا أَوَتَرَ مِنْ آخِرِهِ  
قُلْتُ : كَيْفَ كَانَتْ قِرَاءَتُهُ أَكَانَ يُسِرُّ بِالْقِرَاءَةِ أَمْ يَجْهَرُ قَالَتْ : كُلَّ

ذَلِكَ كَانَ يَفْعُلُ رُبَّمَا أَسْرَ وَرُبَّمَا جَهَرَ وَرُبَّمَا اغْتَسَلَ فَنَامَ وَرُبَّمَا تَوَضَّأَ فَنَامَ

iii. Al-Tirmidhiyy meriwayatkan dari:

حَدَّثَنَا قُتَيْبَةُ ، حَدَّثَنَا الْيَثُ ، عَنْ مُعاوِيَةَ بْنِ صَالِحٍ ، عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ أَبِي قَيْسٍ قَالَ : سَأَلْتُ عَائِشَةَ : كَيْفَ كَانَتْ قِرَاءَةُ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِاللَّيْلِ أَكَانَ يُسِرُّ بِالْقِرَاءَةِ أَمْ يَجْهَرُ فَقَالَتْ : كُلُّ ذَلِكَ قَدْ كَانَ يَفْعُلُ رُبَّمَا أَسْرَ بِالْقِرَاءَةِ وَرُبَّمَا جَهَرَ فَقُلْتُ : الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَ فِي الْأَمْرِ سَعَةً

iv. Al-Tirmidhiyy juga meriwayatkan dari :

حَدَّثَنَا قُتَيْبَةُ ، حَدَّثَنَا الْيَثُ ، عَنْ مُعاوِيَةَ بْنِ صَالِحٍ ، عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ أَبِي قَيْسٍ هُوَ رَجُلٌ بَصِيرٌ قَالَ : سَأَلْتُ عَائِشَةَ عَنْ وِثْرِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَيْفَ كَانَ يُوتَرُ مِنْ أَوَّلِ اللَّيْلِ أَوْ مِنْ آخِرِهِ فَقَالَتْ : كُلُّ ذَلِكَ قَدْ كَانَ يَصْنَعُ رُبَّمَا أَوْتَرَ مِنْ أَوَّلِ اللَّيْلِ وَرُبَّمَا أَوْتَرَ مِنْ آخِرِهِ فَقُلْتُ : الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَ فِي الْأَمْرِ سَعَةً فَقُلْتُ : كَيْفَ كَانَتْ قِرَاءَتُهُ أَكَانَ يُسِرُّ بِالْقِرَاءَةِ أَمْ يَجْهَرُ فَقَالَتْ : (الحادي .. .)

v. Al-Nasa'iyy meriwayatkan dari :

أَحْبَرَنَا شُعَيْبُ بْنُ يُوسُفَ قَالَ : حَدَّثَنَا عَبْدُ الرَّحْمَنِ ، عَنْ مُعاوِيَةَ بْنِ صَالِحٍ ، عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ أَبِي قَيْسٍ قَالَ : سَأَلْتُ عَائِشَةَ كَيْفَ كَانَتْ

قِرَاءَةُ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِاللَّيْلِ يَجْهَرُ أَمْ يُسِّرُ قَالَ :  
 (الحادي...)

vi. Ibn Majah meriwayatkan dari :

حَدَّثَنَا أَبُو بَكْرٍ بْنُ أَبِي شَيْبَةَ ، حَدَّثَنَا إِسْمَاعِيلُ بْنُ عُلَيَّةَ ، عَنْ بُرْدِ بْنِ سِنَانٍ ، عَنْ عُبَادَةَ بْنِ نُسَيْبَةَ ، عَنْ غُصَيْفِ بْنِ الْخَارِبِ قَالَ : أَتَيْتُ عَائِشَةَ فَقُلْتُ أَكَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَجْهَرُ بِالْقُرْآنِ أَوْ يُخَافِتُ بِهِ قَالَ : (الحادي...)

vii. Ahmad bin Hanbal meriwayatkan dari :

حَدَّثَنَا إِسْمَاعِيلُ قَالَ : أَخْبَرَنَا بُرْدُ بْنُ سِنَانٍ ، عَنْ عُبَادَةَ بْنِ نُسَيْبَةَ ، عَنْ غُصَيْفِ بْنِ الْخَارِبِ قَالَ : قُلْتُ لِعَائِشَةَ أَرَأَيْتِ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ يَغْتَسِلُ مِنْ الْجَنَابَةِ فِي أَوَّلِ اللَّيْلِ أَوْ فِي آخِرِهِ قَالَ : رُبَّمَا اغْتَسَلَ فِي أَوَّلِ اللَّيْلِ وَرُبَّمَا اغْتَسَلَ فِي آخِرِهِ قُلْتُ : اللَّهُ أَكْبَرُ الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَ فِي الْأَمْرِ سَعَةً قُلْتُ : أَرَأَيْتِ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ يُؤْتَرُ فِي أَوَّلِ اللَّيْلِ أَوْ فِي آخِرِهِ قَالَ : رُبَّمَا أَوْتَرَ فِي أَوَّلِ اللَّيْلِ وَرُبَّمَا أَوْتَرَ فِي آخِرِهِ قُلْتُ : اللَّهُ أَكْبَرُ الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَ فِي الْأَمْرِ سَعَةً قُلْتُ : أَرَأَيْتِ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ يَجْهَرُ بِالْقُرْآنِ أَوْ يُخَافِتُ بِهِ قَالَ : (الحادي...)


viii. Ahmad bin Hanbal juga meriwayatkan dari :

حَدَّثَنَا إِسْحَاقُ قَالَ : حَدَّثَنِي لَيْثُ بْنُ سَعْدٍ قَالَ : حَدَّثَنِي مُعاوِيَةُ بْنُ صَالِحٍ الْخَضْرَمِيُّ ، عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ قَيْسٍ قَالَ : سَأَلْتُ عَائِشَةَ أَكَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُوتِرُ مِنْ أَوْلِ اللَّيْلِ أَوْ مِنْ آخِرِهِ فَقَالَتْ : كُلُّ ذَلِكَ كَانَ يَفْعَلُ رُبُّمَا أَوْتَرَ أَوْلَ اللَّيْلَ وَرُبُّمَا أَوْتَرَ آخِرَهُ قُلْتُ : الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَ فِي الْأَمْرِ سَعَةً قُلْتُ : كَيْفَ كَانَتْ قِرَاءَتُهُ يُسِرٌ أَوْ يَجْهَرُ قَالَتْ : (الْحَدِيثُ .....)

ix. Ahmad bin Hanbal juga meriwayatkan dari :

حَدَّثَنَا عَبْدُ الرَّحْمَنِ ، عَنْ مُعاوِيَةَ ، عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ أَبِي قَيْسٍ قَالَ : سَأَلْتُ عَائِشَةَ كَيْفَ كَانَ نَوْمُ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي الْجَنَابَةِ أَيْغَتَسِلُ قَبْلَ أَنْ يَنَامَ فَقَالَتْ : كُلُّ ذَلِكَ قَدْ كَانَ يَفْعَلُ رُبُّمَا اعْتَسَلَ فَنَامَ وَرُبُّمَا تَوَضَّأَ فَنَامَ قَالَ : قُلْتُ لَهَا : كَيْفَ كَانَتْ قِرَاءَةُ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مِنْ اللَّيْلِ أَيْجَهَرُ أَمْ يُسِرُّ قَالَتْ : (الْحَدِيثُ .....)

Shajarat al-Asanid bagi jalur-jalur sanad hadith ini dapat diperhatikan pada rajah dalam halaman berikut:



Rajah 8 Shajarat al-Asqafid Hadith Ketiga Puluh Tiga : Cara Rasulullah membaca al-Quran samaada perlahan atau nyaring

Himpunan sanad ini menunjukkan Abu Dawud dan Ahmad bin Hanbal meriwayatkan tiga jalur sanad, yang mana salah satu periyatan Abu Dawud diambil dari sanad Ahmad bin Hanbal. Al-Tirmidhiyy, Al-Nasa'iyy dan Ibn Majah meriwayatkan satu jalur sanad periyatan. Kesemua sanad tersebut bertemu pada seorang sahabat sahaja iaitu A'isyat.

Dari segi kedudukan 'ali dan nazil, periyatan Ahmad bin Hanbal dari 'Abd al-Rahman berkedudukan 'ali dari periyatan lain. Manakala periyatan Abu Dawud dari Musaddad dan dari Ahmad bin Hanbal dan periyatan Ibn Majah dari Abu Bakr bin Abu Shaybah berkedudukan nazil.

**Keempat**, melakukan analisa pada matan hadith. Pengkaji melakukan perbandingan antara matan hadith yang dikemukakan oleh penulis buku-buku motivasi dengan matan yang diriwayatkan di dalam kitab asal hadith. Perbandingan ini bukan bertujuan untuk mencari kesalahan sebaliknya untuk menjelaskan perbezaan matan hadith yang diriwayatkan dan mengetahui metode penulis buku ketika menukilkan hadith. Sebagai contoh:

Nukilan Penulis Buku	Periyatan al-Tirmiziyy
Saya bertanya kepada Aisyah tentang cara Rasulullah SAW membaca al-Quran: 'Apakah Baginda membaca dengan perlahan atau dengan nyaring?' Aisyah menjawab: 'Kadang-kadang Rasulullah membacanya dengan perlahan, kadang-kadang dengan nyaring.' Saya berkata: 'Segala puji bagi Allah SWT yang telah melapangkan urusan ini.'	سَأَلَتْ عَائِشَةَ : كَيْفَ كَانَ قِرَاءَةُ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِاللَّيْلِ أَكَانَ يُؤْمِنُ بِالْقِرَاءَةِ أَمْ يُجَهِّرُ فَقَالَتْ : كُلُّ ذَلِكَ قَدْ كَانَ يَعْمَلُ زَمَانًا أَسْرَ بِالْقِرَاءَةِ وَزَمَانًا جَهَرَ فَقَلَّتْ : الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَ فِي الْأَمْرِ سَعَةً

Berdasarkan penelitian terhadap teks hadith yang dikemukakan, didapati bahawa teks tersebut merupakan matan hadith yang terdapat di dalam kitab al-Tirmidhiyy. Namun begitu ia tidak diriwayatkan oleh al-Bukhariyy dan Muslim sebagaimana yang telah dinukil oleh penulis.

**Kelima**, memberikan hukum hadith dan ta'liq (komentar pengkaji). Pengkaji menyatakan hukum bagi semua hadith yang ditakhrijkan dengan menyandarkannya kepada mana-mana muhaddith (ahli hadith) yang berkaitan. Sekiranya dikenalpasti

sesebuah hadith itu adalah riwayat al-Bukhariyy dan Muslim, maka akan dinyatakan takhrij hadith tersebut sahaja tanpa meletakkan status hadith.

Seterusnya, bagi sesuatu hadith diriwayatkan dari kitab selain al-Bukhariyy dan Muslim, maka ia dihukum mengikut hukum yang telah dinyatakan oleh penulis kitab hadith tersebut seperti hadith-hadith yang telah ditentukan hukumnya oleh al-Tirmidziyy dalam *Sunan al-Tirmidzi*. Namun begitu, pengkaji juga akan mengemukakan hujjah jika hukum yang dinyatakan terdapat hukum lain dari para ulama hadith sebagai perbandingan. Apabila penulis kitab tidak menyatakan hukum bagi sesuatu hadith yang dikaji, maka hadith tersebut dinilai berdasarkan hukum yang telah ditentukan oleh para ulama yang mentahqiq hadith tersebut seperti Ahmad Muhammad Shakir, al-Albaniyy, al-Arna'ut, atau selainnya.

Bagi hadith yang tidak ditemui hukumnya daripada mana-mana ulama hadith, maka pengkaji menganalisa keadaan sanadnya berpandukan komentar ulama al-Jarh wa al-Ta'dil (mencacat dan membersihkan kedudukan seseorang periwayat hadis). Berdasarkan komentar ulama al-Jarh wa al-Ta'dil tersebut dan penjelasan hukum hadith tersebut, pengkaji seterusnya menghukumkan sesuatu hadith.

Penetapan status hukum hadis ini penting untuk memastikan sama ada sesuatu hadis itu boleh diterima atau tidak. Pengkaji hanya menghukumkan sesuatu hadith berdasarkan riwayat yang telah dikemukakan pada sesuatu perbincangan tertentu dan tidak menolak kemungkinan bahawa hadis yang telah dihukumkan itu boleh bertukar statusnya kepada *sahih*, *hasan* dan lainnya melalui jalur periwayatan yang lain.

Sebagai contoh, semua periwayatan Abu Dawud, al-Tirmidhiyy, Al-Nasa'iyy, Ibn Majah dan Ahmad bin Hanbal dinilai sahih oleh al-Albaniyy,<sup>7</sup> al-Rajihiy<sup>8</sup> dan Ahmad Muhammad Shakir.<sup>9</sup>

<sup>7</sup> Abu Dawud, *Sunan Abu Daud*, Tahqiq: Al-Albaniyy, (1) Kitab al-Taharah, 89- Bab al-Junub Yu'akhbir al-Ghusla, no. 226, (Al-Riyad: Bayt al-Afkar al-Dawliyyah li al-Nashr wa al-Tawzi'), hlm. 48-49; (8) Kitab al-Witr, 8- Bab fi Waqt al-Witr, no. 1437, hlm. 174. Hukum hadith: Sahih.

Al-Nasa'iyy, *Sunan al-Nasa'iyy*, Tahqiq: Al-Albaniyy, (20) Kitab al-Qiyam al-Layl wa Tatawwu' al-Nahar, 23- Bab Kayfa al-Qira'ah bi al-Layl, no. 1662, (Al-Riyad: Bayt al-Afkar al-Dawliyyah li al-Nashr wa al-Tawzi'), hlm. 273. Hukum hadith: Sahih.

<sup>8</sup> Al-Tirmidhiyy, *Sunan al-Tirmidhiyy*, Tahqiq: Al-Rajihiy, (2) Kitab al-Salah 'an Rasuli Allah Salla Allah 'Alayh wa Sallam, 212- Bab ma Ja'a fi Qira'at al-Layl, no. 449, (Al-Riyad: Bayt al-Afkar al-Dawliyyah li al-Nashr wa al-Tawzi'), hlm. 95; (41) Kitab al-Fada'il al-Qur'an 'an Rasuli Allah Salla Allah 'Alayh wa Sallam, 23- Bab ma Ja'a Kayfa Kanat Qira'at al-Nabi Salla Allah 'Alayh wa Sallam, no. 2924, hlm 466. Hukum hadith: Sahih.

**Keenam**, mengemukakan penilaian dan kesimpulan terhadap hukum dan ta'liq yang dilakukan oleh ulama hadith. Dan yang terakhir yakni **ketujuh**, mengemukakan Shawahid & Mutaba'at dan hadith lain yang membawa makna yang sama sebagai alternatif dan cadangan kepada penggunaan hadith-hadith yang dinilai da'if dan maudu' di dalam kajian ini jika perlu.

#### E. SIMPULAN

Kajian ini merupakan satu sumbangan kepada penulisan pengajian Islam bagi membolehkan para pembaca mengetahui teknik asas dalam pencarian status hadith yang dikemukakan dalam buku-buku motivasi samaada ia diterima atau ditolak. Pembaca dapat menilai hujah-hujah yang dikemukakan secara ilmiah. Kajian ini juga memberi kesedaran kepada para pembaca agar lebih peka terhadap penggunaan hadith, kerana tidak semua yang disandarkan kepada Rasulullah boleh diterima dan ia perlu dikenalpasti statusnya.

Selain itu, kajian ini juga dapat menyediakan satu garis panduan bagi para penulis buku-buku genre motivasi untuk mengemukakan hadith ke dalam karya-karya mereka. Ia akan memberi manfaat kepada penulis yang tiada latar belakang pengajian Islam dan pengajian hadith dalam menghasilkan karya yang lebih baik dan bermutu. Harapan pengkaji supaya ia dapat membendung gejala menyampaikan hadith-hadith palsu dan hadith-hadith yang tiada sandaran padanya.

#### DAFTAR PUSTAKA

Al-Quran al-Karim

Abu Dawud, Sulayman bin al-Ash'ath al-Azdiyy al-Sajastaniyy. *Sunan Abu Dawud*. Pthq. Al-Albaniyy, Muhammad Nasr al-Din. Al-Riyad: Bayt al-Afkar al-Dawliyyah li Al-Nashr wa al-Tawzi'.

\_\_\_\_\_. *Sunan Abu Dawud*. Jil. 1-7. Pthq. Shu'ayb al-Arnaut & Muhammad Kamil Qurrah Balamiyah. Bayrut: Dar al-Risalah al-'Alamiyyah, 1430H/2009M.

Ibn Majah, *Sunan Ibn Majah*, Tahqiq: Al-Rajihiyy, (5) Kitab Iqamat al-Salah wa al-Sunnah fiha, 179- Bab ma Ja'a fi al-Qira'ah fi Salah al-Layl, no. 1354, (Al-Riyad: Bayt al-Afkar al-Dawliyyah li al-Nashr wa al-Tawzi'), hlm. 149. Hukum hadith: Hasan Sahih.

<sup>9</sup> Ahmad bin Hanbal, *Musnad Ahmad bin Hanbal*, Tahqiq: Ahmad Muhammad Shakir, Jil. 17, no. 24084, (Al-Qahirah: Dar al-Hadith, 1416H/1995Ma), hlm. 258; Jil. 17, no. 24334, hlm. 335; Jil. 17, no. 25038, hlm. 529-530. Hukum hadith: Sahih sanadnya.

- Ahmad bin Hanbal. *Musnad al-Imam Ahmad bin Hanbal*. Jil. 1-20. Pthq. Ahmad Muhammad Shakir. Al-Qahirah: Dar al-Hadith. 1416H/1995Ma.
- \_\_\_\_\_. *Musnad al-Imam Ahmad bin Hanbal*. Jil. 1-50. Pthq. Shu'ayb al-Arna'ut & Adil Murshid. Bayrut: Mu'assasat al-Risalah. 1416H/1995Mb.
- Anon. t.th. *Maktabah al-Shamilah*. (Software).
- A.J. Wensinck. *al-Mu'jam al-Mufahras li al-Alfaz al-Hadith al-Nabawiyy*. Jil. 1-7. Leiden: E. J. Brill/ Maktabah Birayl. 1936.
- 'Abd al-Samad bin Bakar. *Al-Madkhal Ila al-Takhrij al-Ahadith wa al-Athar wa al-Hukm 'Alayha*. Al-Madinah al-Munawwarah: Dar al-Tarfayn. 1431H/2010M.
- Faisal Ahmad Shah. *Takhrij Hadith : Teknik Pencarian Hadith Yang Tepat dan Berkesan*. Kuala Lumpur: Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. 2010.
- Ibn Majah, Abu 'Abd Allah Muhammad bin Yazid al-Qawiniyy. *Sunan Ibn Majah*. Jil 1-2. Al-Qahirah: Matba'at Dar Ahya' al-Kutub al-'Arabiyyah.
- \_\_\_\_\_. *Sunan Ibn Majah*. Pthq. Al-Albaniyy, Muhammad Nasir al-Din. Al-Riyad: Maktabat al-Ma'arif li al-Nashri wa al-Tawzi'.
- \_\_\_\_\_. *Sunan Ibn Majah*. Pthq. Al-Rajhiyy, Muhammad bin Salih. Al-Riyad: Bayt al-Afkar al-Dawliyyah.
- Ibn Manzur, Muhammad bin Makram. *Lisan al-'Arab*. Bayrut: Dar al-Sadr. 2004.
- Mahmud al-Tahhan. *Taysir Mustalah al-Hadith*. Al-Riyad. Maktabah al-Ma'arif li al-Nashr wa al-Tawzi'. 1417H/1996M.
- Muhammad Abu al-Laith al-Khair Abadiyy, Dr. *Takhrijal-Hadith : Nash'atuhu wa Manhajiyatuhu*. Bangi: Darulsyakir. 1420H/1999M.
- Al-Nasa'iyy, Ahmad bin Shu'ayb. *Sunan Al-Nasa'iyy*. Pthq. Al-Albaniyy, Muhammad Nasr al-Din. Al-Riyad: Bayt al-Afkar al-Dawliyyah li al-Nashr wa al-Tawzi'.
- \_\_\_\_\_. *Sunan al-Nasa'iyy al-Kubra*. Jil. 1-12. Pthq. Hasan 'Abd al-Mun'im Shalbiyy. Bayrut: Mu'assasat al-Risalah. 1421H/2001M.
- Siti Nor Bahyah Mahamood & Muhammad Zakaria. 2009b. *Rahsia Minda Hebat*. Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn Bhd.
- Al-Tirmidhiyy, Abu 'Isa Muhammad bin 'Isa bin Sawrah. *Jami' al-Tirmidhiyy*. Pthq. Al-Rajhiyy, Muhammad bin Salih. Al-Riyad: Bayt al-Afkar al-Dawliyyah.
- \_\_\_\_\_. *Sunan al-Tirmidhiyy*. Pthq. Al-Albaniyy, Muhammad Nasr al-Din. Al-Riyad: Maktabah al-Ma'arif li al-Nashr wa al-Tawzi'.

\_\_\_\_\_. *Al-Jami' al-Sahih wa Huwa Sunan al-Tirmidhiyy*. Jil. 1-5. Pthq. Ahmad Muhammad Shakir. Misr: Matbu'at Mustafa al-Babiyy al-Halabiyy. 1398H/1978M.